



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**PELUPUSAN LOJI ATAU JENTERA  
- BAHAGIAN I  
SELAIN JUALAN TERKAWAL**

**KETETAPAN UMUM NO. 7/2017**

**TARIKH PENERBITAN: 12 DISEMBER 2017**



**PELUPUSAN LOJI ATAU JENTERA  
BAHAGIAN I -  
SELAIN JUALAN TERKAWAL**

**Ketetapan Umum No. 7/2017**  
**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**    **Tarikh Penerbitan: 12 Disember 2017**

---

Diterbitkan oleh  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama

© 2017 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



**PELUPUSAN LOJI ATAU JENTERA  
BAHAGIAN I -  
SELAIN JUALAN TERKAWAL**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 7/2017  
Tarikh Penerbitan: 12 Disember 2017**

**KANDUNGAN**

**Muka surat**

1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Pemakaian Undang-Undang Berkaitan	2
5. Tarikh Pelupusan	2
6. Nilai Pelupusan	2
7. Amaun Pelarasan	3
8. Lain-lain pelupusan aset	10

**KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH**

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung dengan peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

## 1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menjelaskan layanan cukai berkaitan pelupusan loji dan jentera yang tidak tertakluk kepada jualan terkawal.

## 2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah perenggan 19A, 33 hingga 37, 53, 61, 61A, 61B, 62 dan 71 Jadual 3 ACP.

## 3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Aset” bermaksud loji dan jentera yang digunakan untuk tujuan perniagaan dan perbelanjaan yang layak telah dilakukan berhubung dengannya.
- 3.2 “Elaun Imbangan” merujuk kepada perbezaan nilai pelupusan sesuatu aset kurang daripada perbelanjaan bakian pada tarikh pelupusan.
- 3.3 “Kenaan Imbangan” merujuk kepada perbezaan nilai pelupusan sesuatu aset melebihi daripada perbelanjaan bakian pada tarikh pelupusan.
- 3.4 “Lupus” bermaksud aset dijual, dibuang atau dimusnahkan atau ia berhenti digunakan untuk tujuan perniagaan.
- 3.5 “Nilai Pasaran” bermaksud harga bagi barang yang dijual dalam satu transaksi di antara orang-orang yang tidak berkaitan yang berurusan pada harga selengan.
- 3.6 “Nilai Pelupusan Aset” bermaksud amaun yang bersamaan dengan nilai pasaran atau hasil bersih hasil jualan, yang mana lebih tinggi.
- 3.7 “Orang” termasuk suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.
- 3.8 “Perbelanjaan bakian” bermaksud kos aset tolak –
  - (a) elaun permulaan; dan

- (b) elaun tahunan; atau
- (c) elaun nosional yang bersamaan dengan elaun tahunan jika dituntut atau yang boleh dituntut.

3.9 “Perbelanjaan yang layak” bermaksud perbelanjaan modal yang dilakukan untuk mengadakan, membina atau membeli loji dan jentera yang digunakan bagi tujuan perniagaan selain daripada aset yang mempunyai jangka hayat kurang daripada dua (2) tahun.

#### 4. Pemakaian Undang-Undang Berkaitan

Apabila terdapat pelupusan loji atau jentera dalam tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran, suatu pelarasan hendaklah dibuat oleh seseorang yang telah menuntut elaun modal terhadap loji atau jentera itu dengan mengira elaun imbalan atau kenaan imbalan.

#### 5. Tarikh Pelupusan

Tarikh pelupusan aset adalah tarikh apabila aset itu dijual, dibuang atau dimusnahkan atau berhenti digunakan untuk tujuan perniagaan.

#### 6. Nilai Pelupusan

Jika sesuatu aset dilupuskan oleh seseorang, nilai pelupusan aset itu adalah diambil kira pada tarikh pelupusan aset yang bersamaan dengan:

- (a) Nilai pasaran; atau
- (b) Jika aset dilupus dengan cara jualan, pemindahan atau penyerahan -
  - (i) Nilai pasaran pada tarikh jualan, pemindahan atau penyerahan; atau
  - (ii) Nilai bersih hasil jualan, pemindahan atau penyerahan, yang mana lebih tinggi;

Dengan syarat jika aset itu dilupuskan dalam keadaan di mana wang insurans atau pampasan diterima oleh orang tersebut, nilai pelupusan adalah nilai pasaran atau wang insurans atau pampasan, yang mana lebih tinggi.

#### Contoh 1 – Nilai pelupusan adalah nilai pasaran

Cekap Ekspres Sdn Bhd membeli sebuah van berharga RM150,000 pada 2013. Van berhenti digunakan pada tahun 2016 dan dijual pada

harga RM45,000. Nilai pasaran pada masa ia dianggap dilupuskan adalah RM55,000. Van telah dilesenkan bagi tujuan komersial untuk pengangkutan barangan syarikat.

Hasil jualan sebanyak RM45,000 dibandingkan dengan nilai pasaran iaitu RM55,000, yang mana lebih tinggi. Maka nilai pelupusan adalah RM55,000.

### **Contoh 2 – Nilai pelupusan adalah nilai bersih hasil harga jualan**

Fakta kes adalah sama seperti dalam Contoh 1 kecuali van dijual pada harga RM65,000.

Hasil jualan sebanyak RM65,000 dibandingkan dengan nilai pasaran RM55,000, yang mana lebih tinggi. Maka nilai pelupusan adalah RM65,000 dalam kes ini.

### **Contoh 3 - Nilai pelupusan adalah amaun pampasan**

Dolly Sdn Bhd membeli sebuah kereta berharga RM100,000 pada tahun 2014. Pemandu syarikat ketika bertugas mengalami kemalangan pada Oktober 2016 dan kereta syarikat rosak dengan teruknya. Susulan daripada itu, syarikat menerima sejumlah RM60,000 sebagai pampasan untuk kerosakan pada Mac 2017. Nilai pasaran kereta pada tahun 2016 adalah RM55,000.

Pelupusan aset berlaku dalam tahun 2016 apabila aset tidak lagi digunakan dalam perniagaan. Oleh itu, pampasan berjumlah RM60,000 (lebih tinggi dibandingkan dengan nilai pasaran iaitu RM55,000) yang diterima dalam tahun 2017 boleh diambil sebagai nilai pelupusan aset.

## **7 Amaun Pelarasan**

Amaun pelarasan adalah amaun perbezaan di antara nilai pelupusan aset dengan perbelanjaan bakian. Amaun perbezaan ini disebut sebagai elaun imbangan atau kenaikan imbangan. Elaun imbangan atau kenaikan imbangan hanya terbit apabila suatu elaun permulaan (EP) atau elaun tahunan (ET) telah diberikan atau boleh diberikan jika dituntut.

### **7.1 Elaun imbangan**

Elaun imbangan wujud apabila nilai pelupusan loji atau jentera kurang daripada perbelanjaan bakian. Elaun imbangan ini dibenarkan sebagai tolakan daripada pendapatan larasan.

#### Contoh 4

Chiffon Sdn Bhd (akaun ditutup pada 31 Disember) membeli sebuah jentera berharga RM150,000 pada 15.1.2014. Jentera berkenaan dijual pada 21.11.2016 dengan harga RM60,000 iaitu pada nilai pasaran. Pendapatan larasan bagi tahun taksiran 2016, elaun modal bawa hadapan dan elaun modal tahun semasa bagi aset-aset lain adalah masing-masing RM120,000, RM30,000 dan RM55,000.

Pengiraan elaun modal dan elaun imbangan:

	RM	RM
<b>Tahun Taksiran 2014</b>		
Perbelanjaan yang layak (PYL)		150,000
Tolak:		
EP (20% x RM150,000)	30,000	
ET (14% x RM150,000)	<u>21,000</u>	<u>51,000</u>
Perbelanjaan bakian		99,000
<b>Tahun Taksiran 2015</b>		
ET (14% x RM150,000)		<u>21,000</u>
Perbelanjaan bakian		78,000
<b>Tahun Taksiran 2016</b>		
Pelupusan pada nilai pasaran		<u>60,000</u>
<b>Elaun imbangan</b>		<u>18,000</u>
<b>Pengiraan pendapatan bercukai</b>		
Pendapatan larasan		120,000
Tolak:		
Elaun modal bawa hadapan (b/h)	30,000	
Elaun modal bagi aset-aset lain	55,000	
Elaun imbangan	<u>18,000</u>	<u>103,000</u>
<b>Pendapatan berkanun / Pendapatan bercukai</b>		<u>17,000</u>

#### 7.2 Kenaan imbangan

Kenaan imbangan wujud apabila nilai pelupusan loji atau jentera melebihi perbelanjaan bakian. Kenaan imbangan ini akan ditambah kepada pendapatan larasan.

### Contoh 5

Austin Sdn Bhd (akaun ditutup pada 31 Disember) membeli sebuah mesin pencetak logo T-shirt berharga RM80,000 pada 5.1.2014. Disebabkan pertambahan pengeluaran, mesin tersebut didapati tidak sesuai lagi digunakan dan dilupus pada nilai pasaran dengan harga RM70,000 pada 21.11.2016. Pendapatan larasan bagi tahun taksiran 2016, elaun modal bawa hadapan dan elaun modal tahun semasa bagi aset-aset lain adalah masing-masing RM120,000, RM30,000 dan RM55,000.

Pengiraan elaun modal dan kenaan imbangan:

	RM	RM
<b>Tahun Taksiran 2014</b>		
PYL		80,000
Tolak:		
EP (20% x RM80,000)	16,000	
ET (14% x RM80,000)	<u>11,200</u>	<u>27,200</u>
Perbelanjaan bakian		52,800
<b>Tahun Taksiran 2015</b>		
ET (14% x RM80,000)		<u>11,200</u>
Perbelanjaan bakian		41,600
<b>Tahun Taksiran 2016</b>		
Pelupusan pada nilai pasaran		<u>70,000</u>
<b>Kenaan imbangan</b>		<u>28,400</u>
<b>Pengiraan pendapatan bercukai</b>		
Pendapatan larasan		120,000
Campur:		
Kenaan Imbangan		<u>28,400</u>
		148,400
Tolak:		
Elaun modal b/h	30,000	
Elaun modal bagi aset-aset lain	<u>55,000</u>	<u>85,000</u>
<b>Pendapatan berkanun / Pendapatan bercukai</b>		<u>63,400</u>



### 7.3 Pengehadan kenaanimbangan

Amaun kenaanimbangan yang ditambah kepada pendapatan larasan daripada punca perniagaan adalah dihadkan kepada amaun elaun modal sebenar yang telah dibenarkan kepada aset berkenaan.

#### Contoh 6

Lily Sdn Bhd (akaun ditutup pada 31 Disember) membeli sebuah mesin frais berharga RM200,000 pada 15.1.2014. Mesin berkenaan dijual pada 21.4.2016 dengan harga RM210,000 iaitu pada nilai pasaran. Rugi larasan perniagaan bagi tahun taksiran 2016, elaun modal bawa hadapan dan elaun modal tahun semasa bagi aset-aset lain adalah masing-masing RM160,000, RM30,000 dan RM55,000.

Pengiraan elaun modal dan kenaanimbangan:

	RM	RM
<b>Tahun Taksiran 2014</b>		
PYL		200,000
EP (20% x RM200,000)	40,000	
ET (14% x RM200,000)	<u>28,000</u>	<u>68,000</u>
Perbelanjaan bakian		132,000
<b>Tahun Taksiran 2015</b>		
ET (14% x RM200,000)		<u>28,000</u>
Perbelanjaan bakian		104,000
<b>Tahun Taksiran 2016</b>		
Pelupusan pada nilai pasaran		<u>210,000</u>
Kenaanimbangan		<u>106,000</u>
<b>Kenaanimbangan dihadkan kepada</b>		<b><u>96,000</u></b>
[Jumlah elaun modal yang telah dibenarkan = RM(68,000 + 28,000 = RM96,000)]		

<b>Pengiraan pendapatan bercukai</b>		
Pendapatan larasan (Rugi tahun semasa RM160,000)		Tiada
<b>Campur:</b>		

Kenaan Imbangan		<u>96,000</u>
		96,000
<b>Tolak:</b>		
Elaun modal b/h	30,000	
Elaun modal bagi aset-aset lain	<u>55,000</u>	<u>85,000</u>
<b>Pendapatan berkanun</b>		11,000
<b>Tolak:</b>		
Rugi tahun semasa (terhad kepada)		<u>11,000</u>
[Rugi tahun semasa hantar hadapan (h/h) = RM(160,000 – 11,000 = RM149,000)]		
<b>Pendapatan bercukai</b>		<u>Tiada</u>

### Contoh 7

Angsana Sdn Bhd (akaun ditutup pada 31 Disember) merupakan pengeluar bahan pencuci rumah, telah menempah sebuah mesin berharga RM150,000 pada 2.7.2012. Bayaran telah dibuat pada 2.8.2012 dan mesin itu telah diserahkan kepada syarikat pada 2.3.2013 dan terus digunakan dalam perniagaan.

Bagi tahun-tahun berakhir 31.12.2015 dan 31.12.2016, mesin tersebut tidak digunakan dan tidak diselenggarakan untuk digunakan. Mesin tersebut telah digunakan semula dalam 2017 dan ianya dijual pada 30.3.2018 dengan harga RM120,000.

	RM	RM
<b>Tahun Taksiran 2013</b>		
PYL		150,000
EP (20% x RM150,000)	30,000	
ET (14% x RM150,000)	<u>21,000</u>	<u>51,000</u>
Perbelanjaan bakian		99,000
<b>Tahun Taksiran 2014</b>		
ET (14% x RM150,000)		<u>21,000</u>
Perbelanjaan bakian		78,000

<b>Tahun Taksiran 2015</b>		
Elaun nosional		<u>21,000</u>
Perbelanjaan bakian		57,000
<b>Tahun Taksiran 2016</b>		
Elaun nosional		<u>21,000</u>
Perbelanjaan bakian		36,000
<b>Tahun Taksiran 2017</b>		
ET (14% x RM150,000)		<u>21,000</u>
Perbelanjaan bakian		15,000
<b>Tahun Taksiran 2018</b>		
Hasil jualan		<u>120,000</u>
Kenaan Imbangan		<u>105,000</u>
<b>Kenaan imbangan dihadkan kepada</b>		<b><u>93,000</u></b>
[Jumlah <b>elaun-modal sebenar</b> yang telah dibenarkan = RM(51,000 + 21,000 + 21,000 = 93,000)]		

- 7.4 Bagi kenderaan bermotor yang tidak dilesenkan bagi tujuan komersial untuk pengangkutan barangan atau penumpang, nilai pelupusan dihadkan mengikut nisbah PYL dibandingkan dengan perbelanjaan modal yang dilakukan terhadap aset tersebut.

Kenderaan komersial adalah kenderaan yang berlesen atau pemilikinya mempunyai permit daripada pihak berkuasa yang bersesuaian bagi pengangkutan barang-barang atau penumpang seperti lori, trak, bas, teksi dan van.

Manakala kenderaan bukan komersial adalah kenderaan yang tidak termasuk dalam kategori yang dinyatakan di atas.

Bagi penerangan lanjut berkaitan syarat-syarat PYL bagi kenderaan bermotor tersebut, sila rujuk kepada KU No. 6/2015 yang bertajuk "Perbelanjaan yang layak dan Pengiraan Elaun Modal" bertarikh 27 Ogos 2015.

### Contoh 8

Mesra Sdn. Bhd. telah membeli sebuah kereta baharu dengan kos RM147,000 pada 1.8.2012 dan kereta berkenaan digunakan bagi tujuan perniagaannya. Tarikh perakaunan syarikat adalah pada 31 Disember setiap tahun.

### Maklumat pembayaran kereta tersebut adalah seperti berikut:

- Deposit = RM 75,000.
- Bayaran ansuran untuk tempoh 36 bulan ialah @ RM2,000 sebulan (tidak termasuk faedah sewa-beli) = RM72,000.
- Ansuran pertama bermula pada Ogos 2012.
- Aset dilupuskan pada 5.4.2016 dengan harga RM50,000.

	RM	RM
<b>Tahun Taksiran 2012</b>		
Deposit	75,000	
Bayaran ansuran RM2,000 x 5	<u>10,000</u>	85,000
EP (20% x RM85,000)	17,000	
ET (20% x RM85,000)	<u>17,000</u>	<u>34,000</u>
Perbelanjaan bakian		51,000
<b>Tahun Taksiran 2013</b>		
Bayaran ansuran RM2,000 x 12 = RM24,000 Terhad kepada RM15,000 <sup>1</sup> [RM100,000 – RM85,000]		<u>15,000</u>
		66,000
EP (20% x RM15,000)	3,000	
ET (20% x RM100,000)	<u>20,000</u>	<u>23,000</u>
Perbelanjaan bakian		43,000
<b>Tahun Taksiran 2014 - 2015</b>		
ET (RM20,000 x 2)		<u>40,000</u>
Perbelanjaan bakian		3,000

Tahun Taksiran 2016		
Harga pelupusan <sup>2</sup>		<u>34,014</u>
Kenaan Imbangan		<u>31,014</u>

**Nota:**

<sup>1</sup> Oleh kerana kos kereta tidak melebihi RM150,000 dan kenderaan adalah baharu, PYL adalah RM100,000 (subperenggan 2(2) Jadual 3 ACP).

<sup>2</sup> Nilai pelupusan mengikut subperenggan 62(2) Jadual 3 ACP =

$$\frac{\text{PYL} \times \text{Harga pelupusan sebenar}}{\text{Harga pembelian kereta}}$$

$$\frac{\text{RM100,000} \times \text{RM50,000}}{\text{RM147,000}} = \text{RM34,014}$$

## 8 Lain-Lain Pelupusan Aset

8.1 Peraturan am untuk menggunakan nilai pasaran seperti yang disebut di Perenggan 6 dalam KU ini adalah tidak terpakai kepada pelupusan aset berikut:

- (a) Pelupusan aset kepada Kerajaan, Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa tempatan

Aset yang digunakan dalam projek penswastan yang mempunyai perjanjian dengan Kerajaan, Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa tempatan dan aset tersebut dilupuskan kepada Kerajaan, Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa tempatan, nilai pelupusan aset adalah bersamaan dengan hasil bersih pelupusan.

- (b) Pelupusan aset sebagai hadiah

Jika suatu aset diberikan sebagai hadiah atau derma kepada:

- (i) institut latihan teknikal atau vokasional yang ditubuhkan dan diselenggara oleh Kerajaan atau badan berkanun;  
(ii) institut latihan teknikal atau vokasional yang diluluskan oleh Menteri; atau  
(iii) institut penyelidikan yang diluluskan seperti yang ditafsir di bawah seksyen 34B ACP,

nilai pelupusan hendaklah dianggap sebagai sifar dan pemberi hadiah atau penderma aset akan diberi elaun imbangan yang bersamaan dengan perbelanjaan bakian.

#### Contoh 9

Murni Sdn Bhd menjalankan aktiviti percetakan baju di sebuah kilang. Pada tahun 2016, syarikat mendermakan sebuah mesin cetak yang telah digunakan di dalam perniagaannya kepada Institut Kemahiran MASA (IKM). IKM merupakan institut latihan teknikal yang diluluskan oleh Menteri Kewangan. Perbelanjaan bakian mesin cetak adalah RM25,000.

Pengiraan elaun imbangan untuk mesin cetak dikira seperti berikut:

	RM
Perbelanjaan bakian b/h	25,000
Tolak:	
Nilai pelupusan mesin	0
<b>Elaun Imbangan</b>	<u><b>25,000</b></u>

#### Contoh 10

Ihsan Sdn Bhd (ISB) (akaun ditutup pada 31 Disember) menjalankan perniagaan percetakan baju dengan tempahan daripada pelanggan yang mengadakan aktiviti-aktiviti seperti hari sukan, hari keluarga dan lain-lain. Pada 31.12.2017, ISB melupuskan sebuah mesin pencetak yang berusia 25 tahun kerana reka bentuknya yang lama dan ianya tidak sesuai lagi digunakan. Pencetak itu didermakan kepada Institut Vokasional Belia. Bagi tujuan pengiraan elaun imbangan, ISB memperolehi nilai pelupusan mesin itu pada nilai pasaran, iaitu RM3,000 daripada sebuah badan penilai bebas profesional. Perbelanjaan bakian mesin pada 31.12.2016 ialah RM5,000.

Oleh kerana mesin pencetak itu didermakan kepada sebuah Institut vokasional yang bukan merupakan institut yang diluluskan, maka nilai pelupusan tidak dianggap sifar.

Pengiraan elaun imbangan bagi mesin pencetak:

<b>Tahun Taksiran 2016</b>	<b>RM</b>
Perbelanjaan bakian pada 31.12.2016	5,000
<b>Tahun Taksiran 2017</b>	
Pelupusan pada nilai pasaran	<u>3,000</u>
<b>Elaun imbangan</b>	<u>2,000</u>

## 8.2 Penggantian bahagian aset

- (a) Berkuat kuasa tahun taksiran 2016, jika bahagian signifikan bagi suatu aset (contohnya loji dan jentera) diganti dengan bahagian yang baharu dan bahagian baharu itu disusut nilai secara berasingan mengikut prinsip-prinsip umum perakaunan yang diterima, maka bahagian aset lama itu dianggap telah dilupuskan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.
- (b) Contoh bahagian-bahagian signifikan adalah –
- (i) Enjin pesawat yang perlu diganti beberapa kali sepanjang hayat pesawat.
  - (ii) Pam dan penjana yang menjadi sebahagian daripada jentera besar.

### **Nota:**

Bahagian signifikan bermaksud bahagian yang penting yang menjadikan sesuatu aset seperti enjin, pesawat, alat dan lain-lain menjadi lengkap atau sempurna.

- (c) Bahagian yang tidak lagi boleh digunakan itu dianggap dilupuskan di mana elaun imbangan atau kenaan imbangan perlu dikira kerana elaun modal telah dituntut sebelum ini (sebagai sebahagian aset itu).
- (d) Oleh itu, kos bagi bahagian signifikan yang dilupuskan ditentukan dengan menggunakan asas yang konsisten berdasarkan prinsip perakaunan yang diluluskan, contohnya asas nilai diskaun.

### Contoh 11

Asian Airways Sdn Bhd (akaun ditutup pada 31 Disember) telah membeli sebuah kapal terbang dalam tahun taksiran 2014 berharga RM310 juta. Jangka hayat pesawat adalah 15 tahun. Pada tahun keempat iaitu dalam tahun taksiran 2017, enjin kapal terbang mengalami kerosakan dan dilupuskan kepada Air Malaysia Sdn Bhd pada harga RM900,000. Pelupusan tersebut tidak tertakluk kepada jualan terkawal.

Bagi menggantikan enjin tersebut, sebuah enjin baharu dibeli pada 1.10.2017 pada harga RM150 juta.

Bagi menentukan kos enjin lama, syarikat telah menggunakan asas nilai diskaun pada kadar diskaun 5% setahun. Dalam contoh ini, RM150 juta (kos enjin baharu) akan digunakan dan diberi diskaun selama 4 tahun, mulai tahun taksiran 2014 hingga tahun taksiran 2017.

#### Pengiraan elaun modal bagi enjin lama :

	RM	RM
<b>Tahun Taksiran 2014</b>		
Kos enjin lama [RM150,000,000 / (1.05) <sup>4</sup> ]		123,406,006
EP (20% x RM123,406,006)	24,681,201	
ET (20% x RM123,406,006)	<u>24,681,201</u>	<u>49,362,402</u>
Perbelanjaan bakian		74,043,604
<b>Tahun Taksiran 2015</b>		
ET (20% x RM123,406,006)		<u>24,681,201</u>
Perbelanjaan bakian		49,362,403
<b>Tahun Taksiran 2016</b>		
ET (20% x RM123,406,006)		<u>24,681,201</u>
Perbelanjaan bakian		24,681,202
<b>Tahun Taksiran 2017</b>		
Nilai pelupusan pada hasil bersih jualan		<u>900,000</u>



Elaun imbangan		<u>23,781,202</u>
----------------	--	-------------------

**Pengiraan elaun modal bagi kapal terbang:**

	RM	RM
<b>Tahun Taksiran 2014</b>		
Kos aset		310,000,000
EP (20% x RM310,000,000)	62,000,000	
ET (20% x RM310,000,000)	<u>62,000,000</u>	<u>124,000,000</u>
Perbelanjaan bakian		186,000,000
<b>Tahun Taksiran 2015</b>		
ET (20% x RM310,000,000)		<u>62,000,000</u>
Perbelanjaan bakian		124,000,000
<b>Tahun Taksiran 2016</b>		
ET (20% x RM310,000,000)		<u>62,000,000</u>
Perbelanjaan bakian		62,000,000
<b>Tahun Taksiran 2017</b>		
Tolak:		
Perbelanjaan bakian bagi enjin lama		<u>24,681,201</u>
Perbelanjaan bakian (dilaraskan)		37,318,799
ET (20% x RM186,593,994) <sup>3</sup> RM(310,000,000 - 123,406,006 = RM186,593,994)		<u>37,318,799</u>
<b>Perbelanjaan bakian</b>		<u><b>Tiada</b></u>

**Nota:**

<sup>3</sup>Pengiraan ET berdasarkan kepada PYL baharu setelah ditolak kos enjin lama.

- (e) Elaun modal untuk enjin baharu berharga RM150 juta layak diberi potongan mulai tahun taksiran 2017 dan tahun taksiran seterusnya.

### 8.3 Pelupusan aset yang dimiliki kurang dari dua tahun

- (a) Apabila seseorang telah melakukan PYL terhadap sesuatu aset dan aset tersebut dimiliki oleh orang itu untuk tempoh kurang dari dua tahun<sup>4</sup>, perenggan 71 Jadual 3 ACP terpakai [kecuali atas sebab kematian orang itu atau alasan-alasan lain yang diterima oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN)], KPHDN boleh menggunakan kuasa budi bicaranya untuk menentukan –
- (i) mana-mana elaun modal yang layak diberikan kepada orang itu, tidak dibenarkan; dan
- (ii) mana-mana elaun modal yang telah diberi ditarik balik dan kenaan imbangan dikenakan bagi tahun taksiran dalam tempoh asas aset itu dilupuskan.

#### Nota:

<sup>4</sup>"Dua tahun" merujuk kepada dua tahun kalendar berasaskan kepada bilangan hari sebenar.

#### Contoh 12

Floral Sdn Bhd (akaun ditutup pada 30 April) telah membeli sebuah kereta pada 15.3.2015 dengan harga RM100,000 untuk digunakan dalam perniagaannya. Kereta tersebut dilupuskan pada 6.6.2016 dengan harga RM85,000 untuk membeli sebuah kereta mewah seiring dengan kejayaan dan keuntungan yang diperolehi oleh syarikat.

	RM	RM
<b>Tahun Taksiran 2015 (1.5.2014 – 30.4.2015)</b>		
PYL		100,000
EP (20% x RM100,000)	20,000	
ET (20% x RM100,000)	<u>20,000</u>	<u>40,000</u>
Perbelanjaan bakian		60,000

<b>Tahun Taksiran 2016 (1.5.2015 – 30.4.2016)</b>		
ET (20% x RM100,000)		<u>20,000</u>
		40,000
<b>Tahun Taksiran 2017 (1.5.2016 – 30.4.2017)</b>		
Harga pelupusan	<u>85,000</u>	
<b>Kenaan imbalan (elaun modal ditarik balik)</b>		<u>60,000</u>

Oleh kerana kereta dijual dalam tempoh kurang daripada dua tahun untuk membeli kereta mewah (bukan pelupusan *bona fide*), elaun modal yang telah diberikan dalam tahun taksiran 2015 dan 2016 ditarik balik dengan mengenakan kenaan imbalan dalam tahun taksiran 2017 iaitu tahun apabila kereta itu dilupuskan.

- (b) Elaun modal tidak akan ditarik balik jika pelupusan sesuatu aset itu dilakukan dengan tujuan komersial yang sah (*bona fide*). Sebagai contoh, pelupusan adalah disebabkan oleh kerosakan kepada aset, tidak sesuai untuk digunakan atau tidak lagi diperlukan dalam perniagaan.

### Contoh 13

Super Tiles Sdn Bhd (STSB) menjalankan perniagaan mengilang jubin (akaun ditutup pada 31 Disember). Pada 10.2.2016, STSB membeli sebuah jentera berharga RM54,000. Namun, jentera tersebut tidak dapat berfungsi dengan baik dan menyebabkan proses penghasilan produk jubin menjadi lambat dan menambahkan perbelanjaan STSB ke atas penyelenggaraan aset itu.

Pada 2.11.2016, STSB mengambil keputusan untuk melupus aset itu kepada pihak ketiga dengan harga RM40,000 dan membeli sebuah jentera baharu.

### Pengiraan elaun modal jentera:

	RM	RM
<b>Tahun Taksiran 2016</b>		
PYL		54,000
EP (20% x RM54,000)		<u>10,800</u>
Perbelanjaan bakian		43,200

Harga pelupusan		<u>40,000</u>
<b>Elaun imbangan</b>		<u><u>3,200</u></u>

KPHDN menganggap pelupusan jentera tersebut sebagai pelupusan *bona fide*. Maka perenggan 71, Jadual 3 ACP tidak terpakai dan elaun imbangan boleh dibenarkan untuk tahun taksiran 2016. STSB layak menuntut EP kerana STSB telah melakukan perbelanjaan bagi jentera tersebut dan telah menggunakannya dalam perniagaannya sebelum dilupuskan.

- (c) Selain daripada pelupusan *bona fide*, pelupusan aset yang disebabkan oleh kebakaran dan kecurian perlu dibuktikan dengan dokumen sokongan seperti tuntutan insurans atau laporan polis sebelum alasan-alasan tersebut boleh diterima oleh KPHDN.

#### 8.4 Pelupusan aset bersama aset lain

Apabila sesuatu aset dilupuskan bersama-sama aset lain dengan satu jumlah terkumpul, harga jualan itu hendaklah diperuntukkan di antara aset-aset tersebut. Peruntukan hendaklah dilakukan dengan adil dan munasabah.

lanya boleh diterima jika peruntukan harga antara aset-aset tersebut dalam tahun pelupusan adalah berasaskan kepada –

- (a) Kos aset dibandingkan dengan jumlah kos aset dijual; atau
- (b) Perbelanjaan bakian aset dibandingkan dengan jumlah perbelanjaan bakian aset dijual.

Jika peruntukan harga jualan di antara aset-aset tidak munasabah, walaupun harga pelupusan berasingan telah dipersetujui di antara pelupus dan pemeroleh, maka peruntukan perlu disemak semula dengan sewajarnya.

#### 8.5 Aset yang dihapus kira

- (a) Dalam keadaan loji atau jentera dihapus kira disebabkan usang atau rosak dan aset berkenaan tidak dapat diperbaiki atau dijual, nilai pasarannya dianggap sifar.

#### Contoh 14

Elektron Sdn Bhd (ESB) memiliki 10 aset bernilai kecil dan menuntut elaun khas bagi aset bernilai kecil di bawah perenggan 19A, Jadual 3 ACP. Jumlah PYL yang dilakukan bagi aset bernilai kecil untuk tahun taksiran 2010 adalah RM13,000. Pada 15.3.2017, dua aset iaitu kabinet dan almari perhiasan telah dihapus kira kerana telah rosak dan tidak boleh diguna lagi. Perbelanjaan bakian bagi aset bernilai kecil tersebut pada 31.12.2016 berbaki tiada (0).

**Pengiraan elaun imbangan / kenaan imbangan bagi dua aset bernilai kecil:**

<b>Tahun Taksiran 2016</b>	<b>RM</b>
Perbelanjaan bakian pada 31.12.2016	0
<b>Tahun Taksiran 2017</b>	
Harga pelupusan	<u>0</u>
<b>Elaun imbangan / Kenaan imbangan</b>	<u>0</u>

#### 8.6 Aset Bukan Semasa Dipegang Untuk Dijual

Aset bukan semasa Dipegang Untuk Dijual (DUD) adalah aset-aset yang dipegang yang diklasifikasikan sebagai aset-aset yang telah dirancang untuk dijual dalam tempoh setahun atau suatu tempoh yang dilanjutkan dan tidak digunakan dalam perniagaan. Aset-aset yang telah usang dan rosak tidak termasuk dalam klasifikasi DUD.

Untuk penjelasan lanjut mengenai layanan cukai bagi aset DUD, sila rujuk kepada Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) pada 4 Jun 2013 bertajuk "Guidelines for Income Tax Treatment of Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) 5: Non-Current Assets Held for Sale and Discontinued Operations". Garis Panduan ini boleh diperolehi dalam versi Bahasa Inggeris sahaja di portal rasmi LHDNM.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**